

MASALAH SAMPAH

Pengasingan sisa pepejal perlu kerjasama orang ramai

Seperti diketahui umum, bermula September tahun ini kita perlu mengasingkan sisa pepejal isi rumah masing-masing. Jika gagal berbuat demikian, kita boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672).

Mengikut Seksyen 74 (1) dan (2) Akta 672, orang awam harus melakukan usaha pengasingan sisa pepejal, dan kegagalan berbuat demikian jika sabit kesalahan boleh didenda maksimum RM1,000.

Seksyen 108 (2) (g) akta terbabit juga memperuntukkan bahawa menjadi tanggungjawab individu untuk mengasingkan sisa pepejal yang boleh dikitar semula sekali gus dapat mengelakkan lambakan sampah sisa pepejal di pusat pelupusan sampah.

Mengikut sumber Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) akan merangka peraturan dan garis panduan untuk dimaklumkan kepada orang ramai mengenai kaedah pelaksanaan pengasingan sisa pepejal terbabit agar dapat dilaksanakan dengan lebih baik serta berkesan.

Asing ikut komposisi sisa

Secara umumnya, proses pengasingan sisa pepejal membabitkan pengasingan sisa pepejal isi rumah mengikut komposisi sisa iaitu plastik, kertas, kadbod, kaca, logam, sisa makanan, sisa pukal dan sisa kebun. Kutipan sisa yang diasingkan akan dilaksanakan mengikut jadual ditetapkan syarikat konsesi dilantik.

Pelaksanaan peraturan baru



ini adalah sebahagian usaha murni kerajaan mengurangkan penghantaran sisa pepejal ke tapak pelupusan yang ketika ini dikatakan menghadapi masalah pelupusan yang semakin meruncing.

Peraturan yang akan dilaksanakan ini dijangka dapat mengatasi masalah pelupusan sampah yang dihadapi kini sekali gus dapat memelihara kualiti kebersihan alam sekitar yang dilihat semakin terjejas dari tahun ke tahun. Kaedah pengasingan sistem pepejal ini sudah banyak diterima pakai di negara maju dan ia dilihat dapat membantu membendung pencemaran berterusan alam sekitar akibat tindakan aktiviti manusia

“Proses pengasingan sisa pepejal membabitkan pengasingan sisa pepejal isi rumah mengikut komposisi sisa iaitu plastik, kertas, kadbod, kaca, logam, sisa makanan, sisa pukal dan sisa kebun. Kutipan sisa yang diasingkan akan dilaksanakan mengikut jadual ditetapkan syarikat konsesi dilantik”

yang banyak membuang sampah.

Peraturan didik masyarakat

Pada masa sama peraturan baharu yang akan dilaksanakan dapat mendidik masyarakat mengenai perihal kepentingan memulihara alam sekitar daripada sebarang pencemaran serta dapat memberi kesedaran untuk menggunakan serta mengitar semula sisa pepejal yang didapati sesuai untuk digunakan semula.

Namun, apa yang menjadi kebimbangan ramai pihak kini ialah mengenai aspek keberkesanan peraturan baru yang ingin dilaksanakan. Akta 672 hanya akan dilaksanakan sepenuhnya di negeri yang menerima pakai Akta

FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: bhforum@bh.com.my

Pengasingan sisa pepejal dapat mendidik masyarakat mengenai kepentingan memulihara alam sekitar.

(GAMBAR HIASAN)

672 iaitu di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya, Pahang, Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Perlis.

Segala usaha murni yang ingin dilaksanakan harus dilakukan serta membabitkan semua pihak dalam negara kita untuk menjayakannya. Oleh yang demikian, adalah disarankan supaya negeri yang masih belum menerima pakai Akta 672 untuk segera berbuat demikian supaya segala objektif serta matlamat memelihara alam sekitar serta program kitar semula dalam negara kita dapat dicapai dengan jayanya.

Dr Muzaffar Syah Mallow
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)